

Majlis Fatwa benarkan tarian poco-poco selain di Perak

SEPADANG - Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan untuk tidak menghalang tarian poco-poco dalam kalangan umat Islam selagi ia tidak melanggar garis panduan yang ditetapkan, kata Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin (**gambar**).

Sehubungan itu, masyarakat Islam dinasihatkan sentiasa berhati-hati dan merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan badan itu sejak 2007 yang antara lain tidak melakukan ritual ibadat bukan Islam, menjaga pergaulan lelaki dan perempuan serta pakaian yang sesuai.

“Sekiranya tidak melanggar (peraturan) maka tiada halangan. Malah kalau ia mendatangkan kebaikan

kepada kesihatan, maka kita rasa tiada halangan kepada perkara itu,” katanya selepas mempeperusikan Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, Majlis Fatwa Kebangsaan tetap menghormati keputusan Majlis Fatwa Perak untuk mengharamkan tarian itu seperti yang diumumkan muftinya, Tan Sri Harussani Zakaria sebelum ini kerana poco-poco mempunyai unsur kepercayaan agama lain iaitu Kristian selain bersifat pemujaan roh.

Sementara itu, Harussani yang turut menghadiri muzakarah itu berkata, fatwa pengharaman itu di-

buat selepas terdapat pertanyaan daripada persatuan Islam di Perak sama ada tarian itu patut diharamkan atau sebaliknya.

“Selepas itu, kajian dibuat dan didapati ada unsur tersebut. Negeri-negeri lain tiada permintaan untuk mengkaji tarian tersebut, sebab itu tiada fatwa mengenainya dibuat,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Shukor ketika diminta mengulas mengenai perkara utama yang dibincangkan pada muzakarah kali ini berkata, ia termasuk penggunaan vaksin *mencevax* iaitu sejenis vaksin yang digunakan jemaah haji dan umrah sejak sekian lama.



KERATAN
Kosmo! 30
Mac 2011.

“Jadi kita telah mengkaji dan mendapatkan pandangan pakar ia itu selepas tahun 1997 penghasilannya lebih baik selain kos yang lebih munasabah. Kita setuju teruskan (penggunaannya) jika tiada gantian yang lebih baik daripada itu,” katanya.

Menurutnya, terdapat juga permohonan daripada syarikat lain untuk membekalkan vaksin untuk jemaah haji dan umrah yang sudah berada di pasaran selama dua tahun.

“Pada prinsipnya kedua-dua vaksin itu harus dan boleh digunakan tetapi kita mengutamakan vaksin pertama kerana ia

sudah lama digunakan,” kata beliau.

Muzakarah tiga hari yang bermula 20 April lalu turut membincangkan mengenai wang pampasan insurans konvensional yang tidak dituntut serta masalah wang khairat kematian. - Bernama